



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD		
TARIKH	:	3/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 29
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG		

### Pahang warta 780.94 hektar hutan tadahan air baharu

Sinar Ahad, 3 Okt  
2021\_29



WAN ROSDY

**KUANTAN** - Kerajaan Pahang bersetuju mewartakan tambahan 780.94 hektar hutan sebagai hutan tadahan air di negeri ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pewartaan itu menjadikan keseluruhan hutan tadahan air di negeri ini seluas 343,503 hektar.

Menurutnya, dengan pe-

wartaan itu, tiada sebarang aktiviti pengusahahasilan boleh dilakukan di kawasan yang disifatkan sebagai sensitif alam sekitar itu.

“Keputusan ini dibuat pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri pagi Rabu dan melibatkan 443.73 hektar dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Berkelah di Maran dan

337.21 hektar dalam HSK Lepar, di Kuantan.

“Bagi HSK Berkelah, 443.73 hektar ini merupakan tambahan kepada 2,134 hektar hutan tadahan air sedia ada, menjadikan keseluruhan 2,577.73 hektar hutan tadahan air dalam HSK ini,” katanya dalam satu kenyataan Jumaat malam.